

Agama Islam Untuk Panduan Hidup

Setiap manusia yang hidup di muka bumi ini mempunyai berbagai-bagai kelakuan dan adat, - ada yang hidup mewah dengan harta kekayaan dan ada juga yang hidup sentiasa di dalam penderitaan tindas menindas, masing-masing untuk mementingkan diri sendiri.

(Oleh: Shahrudin Dahari)

Manusia yang hidup di dalam kepincangan ini sentiasa tidak dapat ketenangan dan ketenteraman jiwa bahkan mereka itu sentiasa terseksa oleh suasana hidup yang tidak berperaturan, seolah-olah singa-singa yang ganas mahu menguasai binatang-binatang kecil yang lemah. Kerana itu terbitlah kezaliman dan penganiayaan di antara satu dengan yang lain. Dunia pada masa itu dilindungi oleh awan mendung yang tebal dengan noda dan kejahatan yang tanpa langsung mempunyai batasan atau sempadan. Di dalam kegelapan hidup yang demikian terjadilah pertumpahan darah, seolah-olah dunia hitam pekat disirami oleh air api kedurjanaan.

Di dalam suasana alam yang begitu hebat dengan kedosaan dan kebiadaban di tanah Arab lahirlah seorang pesuruh Allah yang terdiri daripada jenis manusia berketurunan daripada puak Quraisy Mekah. Utusan Allah itu ialah Saiyidina Muhammad – beliau diutus oleh Allah *'Azza wa Jalla* untuk membasmi dan memadamkan api kedurjanaan bani insan di semenanjung itu dengan serius dan aktif serta tabah menentang musuh-musuh daripada orang Musyrikin yang berniat jahat terhadapnya dan terhadap agama Islam. Walaupun bermacam-macam rintangan dan penghinaan yang dilemparkan kepada pemimpin agung


itu dengan berbagai rupa, tetapi halangan yang diterimanya tetap diharunginya demi mempertahankan kesucian agama Islam. Di masa junjungan mempertahankan kesucian agama Allah itu banyak para sahabat beliau gugur di medan peperangan, keguguran para sahabat itu adalah sebagai syuhada yang besar ertinya bagi Islam. Semangat waja dan kepahlawanan tersemat di jiwa beliau tatkala menjadi komando di dalam beberapa peperangan di antara tentera-tentera umat Islam dengan Musyrikin. Pendek kata kemenangan tetap tercapai dengan jayanya. Segala inisiatif beliau adalah dapat melaksanakan amanah yang ditugaskan kepadanya sehinggalah di hari ini.

Patut kita kenang kembali akan peristiwa yang bersejarah terhadap Nabi Muhammad (S.A.W) sebagai komando pelaksanaan agama Islam dengan berdakwah ke tengah masyarakat menyeru orang-orang yang jahil supaya keluar dari kejahilan, kebodohan dan kesesatan menuju kebahagiaan dan keselamatan serta menghindarkan kezaliman terhadap generasi-generasi yang keterlaluan dari peri kemanusiaan.

Islam ialah agama yang diredai oleh Allah. Tiada suatu agama yang dapat mengatasi ajarannya di alam ini. Kerana dia bukanlah dari hasil falsafah

manusia yang serba kekurangan di dalam berbagai aspek, tetapi Islam adalah agama yang dicipta oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang lengkap dan sesuai dengan peredaran zaman; dan dialah jua suatu agama boleh memimpin manusia dari segenap lapisan ke jalan yang diiktiraf oleh Allah *'Azza wa Jalla* jalan memberentas daripada mensyirikkan Allah, ia menuju ke sehalau atau searah dengan mengesakan Allah. Selain daripada yang tersebut menuntut setiap umatnya beriman dengan Allah, rasul-rasul, malaikat-malaikat, kitab Allah, hari kiamat dan terhadap qada dan qadar daripada Tuhan.

Tiada seorang pun pejuang Islam yang mengaku agama Islam itu berfahaman sempit kecuali setengah golongan yang masih jahil tentang selok belok agama Islam dan mereka yang mengaku dirinya telah Muslim oleh kerana Islam kedua ibu bapanya, tetapi mereka itu tidak menurut perjalanan dan perkembangan Islam dengan sebenarnya; mereka berani meringankan perintah-perintah Allah yang diwajibkan ke atasnya. Bukan sahaja setakat acuh tak acuh kepada Islam, bahkan sanggup bagi seorang Muslim memperlakukannya. Hal ini menjadi suatu cabaran melanggar perbuatan yang ditegah oleh Allah kepada pemeluk-pemeluk agama yang batil lagi tidak diredai oleh Allah. Terjadinya



Pentas berbentuk sebuah masjid yang dihiasi dengan lampu warna warni adalah tempat para peserta yang mengambil bahagian di dalam Pertandingan Kitab Suci al-Qur'ān Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa yang telah diadakan di Stadium Merdeka Kuala Lumpur di dalam bulan Ramadhan yang lalu.

yang demikian kerana nipisnya keimanan yang tersemat di jiwanya. Mereka memandang dunia Islam ini kecil dan tidak mahu menyelidiki akan sejarah perkembangan Islam di zaman Rasul Allah (S.A.W). Akibat dari kejahilan tentang sejarah keagungan Islam di zaman yang silam, maka jadilah mereka golongan fanatik terhadap agama yang dianutinya. Ada setengah golongan yang murtad, kerana mereka berpendapat agama yang dianutinya itu tidak sesuai dan secocok dengan kehendak-kehendak jiwanya; dan senipis itu juga ia meninggalkan agama Islam serta terjerumus ke lembah kesesatan. Harus kita berdoa kepada Yang Maha Berkuasa agar mereka yang terpesong itu dapat pertunjuk serta kembali ke jalan yang diredai

oleh Allah, dengan meninggalkan gereja dan berhala menuju ke masjid yang melambangkan syiar Islam, sentiasa berkumandang di udara manakala dilaungkan oleh bilal setiap hari Jumaat dan pada waktu menunaikan sembahyang fardu.

Umat Islam yang berjiwa dinamis sewajarnya mengaku akan betapa luasnya agama Islam itu. Tidak sebagaimana sangkaan setengah-setengah orang yang mengatakan Islam itu hanya untuk sembahyang, puasa, mengeluarkan zakat dan haji. Fahaman ini adalah beku dan kolot. Orang-orang yang seumpama ini penting diberi penerangan secara ilmiah dengan menggerakkan fikiran mereka akan pengertian atau definisi Islam dengan

sebenarnya. Islam menggalakkan umatnya hidup berperaturan serta menyuruh berjihad di dalam berbagai lapangan demi untuk kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Sebaliknya ia tidak menyuruh umatnya hidup hanya menanti mati dan tertanya-tanya apakah itu akhirat? Untuk menafikan fahaman yang karut itu bahawa Nabi Muhammad (S.A.W) telah bersabda: *(a'mal lidunyāka ka'annaka tu 'Ishu abadan wa a'mal li ākhirataka ka'annaka tamūtu ghadan)*. Yang bererti bekerjalah untuk dunia kamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya. Dan bekerjalah untuk akhirat kamu seolah-olah kamu akan mati besok pagi.

Difaham daripada hadis yang tersebut bahawa orang-orang Islam disuruh